

LAPORAN DANA TAKAFULINK 2023

Laporan dan Penyata Takafulink
bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL



BEST AGENCY FAMILY TAKAFUL OPERATOR
10th Consecutive Years

* Berdasarkan data yang diperolehi dari ISM Insurance Services Malaysia Berhad
– ACE (Annual Contribution Equivalent) dari tempoh Januari hingga Disember 2022

Pemegang Sijil yang Dihormati,

Kami berbesar hati untuk membentangkan kepada anda **Laporan Dana Takafulink 2023** bagi Prudential BSN Takaful Berhad. Laporan ini boleh didapati di laman web kami di www.prubsn.com.my.

KANDUNGAN

- 2 Perutusan dari Ketua Pegawai Eksekutif
- 6 Objektif Dana
- 8 Ulasan Pelaburan
- 11 Prestasi Dana
- 12 Unjuran Pelaburan
- 15 Sorotan Kewangan
- 38 Penyata Aset dan Liabiliti
- 49 Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih
- 55 Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan
- 66 Nota-nota kepada Akaun
- 68 Laporan Pengarah
- 69 Laporan Jawatankuasa Syariah
- 71 Laporan Juruaudit Bebas

PERUTUSAN DARI KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



“ PruBSN berbangga memperkenalkan dana Takafulink Dana ESG Global pada Mac 2023. Merupakan antara dana Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) patuh Syariah pertama di negara ini yang dipelopori oleh pengendali Takaful, inisiatif ini menjadi anjakan paradigma ke arah pelaburan bertanggungjawab. ”

Perutusan dari Ketua Pegawai

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan Nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang

Pemegang-pemegang Sijil yang dihormati,

Saya berbesar hati membentangkan Laporan Dana-Dana Takafulink kami untuk tahun fiskal 2023. Dengan rasa bangga, saya mengimbas kembali pencapaian progresif dan kebingkasan yang ditunjukkan sepanjang tahun dalam mengekalkan kedudukan pelaburan yang lestari untuk pemegang berkepentingan kami yang dihargai. Berdepan dengan pasaran yang tidak menentu, PruBSN berterusan melindungi dan memelihara kepentingan semua pihak dan menetapkan asas yang kukuh dalam mengatur langkah untuk bergerak maju di masa hadapan.

Ulasan Ringkas Mengenai Pasaran Takaful & Pelaburan di Malaysia

Sektor insurans dan Takaful Malaysia mempamerkan daya ketahanan yang memberangsangkan, kekal teguh menghadapi ketidaktentuan pasaran yang memberi pengaruh besar terhadap tabiat penyimpanan dan kewangan pelanggan, sekaligus menyebabkan pengurangan permintaan untuk produk-produk berkaitan-pelaburan. Keadaan ini membawa kepada pertumbuhan yang lebih perlahan dalam perniagaan baharu. Trend menaik juga dapat dilihat dalam tuntutan perubatan sepanjang 2023. Tuntutan yang lebih tinggi ini adalah seiring dengan peningkatan inflasi kos perubatan.

Landskap ekonomi dan pelaburan Malaysia berkait rapat dengan faktor domestik dan global yang menyumbang kepada kerumitan yang dihadapi oleh pemain industri. Disebalik kesukaran ini, ekonomi Malaysia mempamerkan pertumbuhan yang memberangsangkan walaupun berdepan dengan ketidaktentuan global. Daya tahan ini adalah disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan pelaburan, keadaan pasaran buruh yang menggalakkan, dan permintaan tempatan yang menggalakkan di mana secara kolektif meningkatkan kedudukan ekonomi negara.

Perutusan dari Ketua Pegawai

Seiring dengan industri lain, perkhidmatan kewangan turut mempamerkan pertumbuhan yang mampan sepanjang tahun. Walaupun Indeks Syariah EMAS FTSE Bursa Malaysia yang lebih meluas mencatatkan pulangan tipis 0.5% selepas mengalami penurunan -8.2% pada 2022, ekosistem kewangan Islam yang menggalakkan kekal sebagai tonggak yang kukuh kepada pertumbuhan pelaburan Takaful. Walau bagaimanapun, jangkaan turun naik pasaran diramalkan akan memberi kesan ketara kepada siji-siji berkaitan pelaburan, terutamanya dalam pasaran sukuk dan ekuiti. Sehubungan itu, kita akan terus berwaspada, dengan melaksanakan pendekatan strategik sebagai langkah mitigasi untuk menghadapi segala kekangan, sekaligus memastikan kestabilan portfolio pelaburan.

PruBSN Kekal Berdaya Tahan Di Sebalik Ketidaktentuan Pasaran

PruBSN telah mempamerkan daya tahan yang mengagumkan, dibuktikan oleh prestasi positif Takafulink Dana Ekuiti yang telah mencatatkan pulangan sebanyak 128.8% sejak penubuhannya berbanding penanda aras 51.6%. Begitu juga Takafulink Dana Sukuk yang telah merekodkan pulangan sebanyak 92.8% berbanding penanda aras 59.5%. Pencapaian ini menyerlahkan komitmen kami untuk terus mengekalkan kecemerlangan, diperkukuhkan lagi oleh pengiktirafan berprestij sebagai Pengendali Takaful Keluarga Terbaik selama sepuluh tahun berturut-turut, yang dianugerahkan oleh Persatuan Takaful Malaysia (MTA) berdasarkan Jumlah Sumbangan Tahunan Kumpulan (ACE) bagi tahun 2022.

Pencapaian ini membuktikan keutamaan strategik kami, sekaligus membentuk unjuran pasaran dan strategi pelaburan kami. Inisiatif utama termasuk semakan teliti ke atas dana-dana berprestasi rendah, penilaian berhemat ke atas pengurus dana yang berpotensi, dan pelancaran dana-dana baharu, dilaksanakan untuk menarik aliran masuk dana yang besar. Secara keseluruhannya, kami mengambil pendekatan yang optimistik namun berhati-hati dalam menghadapi landskap pelaburan berkaitan Takaful yang tidak stabil, di samping mengutamakan momentum yang lestari dan memastikan pulangan yang menggalakkan untuk pemegang berkepentingan kami yang dihargai.

Melestarikan Pelaburan Takaful

Sebagai sebahagian daripada komitmen kami ke arah kelestarian, PruBSN berbangga memperkenalkan dana Takafulink Dana ESG Global pada Mac 2023. Merupakan antara dana Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) patuh Syariah pertama di negara ini yang dipelopori oleh pengendali Takaful, inisiatif ini menjadi anjakan paradigma ke arah pelaburan bertanggungjawab. Sebagai pelindung kesejahteraan kewangan, kami menyedari kepentingan untuk mengimbangi keuntungan serta sumbangan positif kepada masyarakat dan planet kita. Tawaran perintis ini menyediakan pendekatan holistik kepada pelabur ke arah pelaburan yang bertanggungjawab, sejajar dengan prinsip Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNSDG). Pada masa yang sama, ia turut menyumbang kepada agenda besar negara untuk berkembang menjadi hab kewangan yang maju dan lestari.

Perutusan dari Ketua Pegawai

Dengan Takafulink Dana ESG Global, PruBSN menyatakan keyakinannya untuk memaksimumkan penjaanaan pulangan jangka panjang melalui pelaburan strategik dalam Dana Pelaburan Maman dan Bertanggungjawab (SRI) yang layak. Dana ini memperuntukkan sehingga 100% dalam dana SRI yang layak, dengan baki dana disalurkan ke dalam instrumen pasaran wang Islam. Sejak penubuhannya, dana telah mempamerkan peningkatan mengagumkan pada kadar 11.58% dalam Nilai Aset Bersih (NAB). Dana ESG mengutamakan pulangan kewangan dan pada masa yang sama memupuk impak positif kepada alam sekitar dan komuniti. Dalam penawaran portfolio, penyaringan bersepadu ESG diberi penekanan bagi memastikan komitmen yang teguh terhadap pelaburan lestari jangka panjang, termasuk nyahlabur melibatkan arang batu dan prospek diperluaskan kepada bon hijau dan projek tenaga boleh diperbaharui.

Mengemudi Masa Hadapan

Berhadapan dengan landskap pasaran yang dinamik, kami bersiap siaga untuk mengemudi perniagaan dan operasi kami bersandarkan kekuatan dan peluang yang ada. Fokus strategik kami membayangkan satu masa depan di mana pelaburan Takaful yang lestari menjadi asas utama ekosistem ekonomi kewangan yang bertanggungjawab, memacu perubahan positif dalam kehidupan sambil menjana pulangan yang optimum untuk pemegang kepentingan kami yang dihargai, termasuk kepada pelanggan kami seperti yang dinyatakan dalam matlamat kami, "**Untuk Setiap Kehidupan, Untuk Setiap Masa Depan**".

Sekalung Penghargaan

Mewakili pihak PruBSN, saya ingin menyatakan penghargaan saya kepada semua pemegang kepentingan kami terutamanya kepada pemegang sijil yang dihargai, di atas sokongan dan kepercayaan berterusan yang diberikan. Keyakinan anda telah memperkasakan kami bagi memastikan nilai pelaburan yang terbaik berjaya dicapai untuk masa depan dan kehidupan yang lebih lestari. Saya juga menzahirkan penghargaan saya kepada seluruh pasukan PruBSN yang menjadi tonggak utama kejayaan ini.

Saya yakin bahawa PruBSN berada di kedudukan yang sebaiknya untuk melangkah ke masa hadapan, ditunjang oleh rekod pencapaian konsisten dan kemampuan untuk mengadaptasi kepada trend pasaran yang sentiasa berubah. InshaAllah.

Yang benar,



Wan Saifulrizal Wan Ismail

Ketua Pegawai Eksekutif

Prudential BSN Takaful Berhad

OBJEKTIF DANA



Takafulink Dana Ekuiti bertujuan untuk memaksimumkan pulangan dalam jangka sederhana ke panjang dengan melabur dalam ekuiti-ekuiti berkualiti tinggi patuh Syariah yang disenaraikan di Bursa Malaysia.



Takafulink Dana Sukuk bertujuan untuk menyediakan pengumpulan modal jangka sederhana ke panjang melalui pelaburan dalam sukuk dan instrumen pasaran wang Islam yang terpilih.

Objektif Dana



Takafulink Dana Urus bertujuan untuk memaksimumkan pulangan jangka masa sederhana ke panjang dengan melabur dalam ekuiti-ekuiti patuh Syariah, sukuk dan instrumen pasaran wang Islam melalui Takafulink Dana Ekuiti dan Takafulink Dana Sukuk, serta dalam mana-mana dana Takafulink lain yang mungkin akan diperkenalkan pada masa hadapan.



Takafulink Dana Ekuiti Dinasti bertujuan untuk menyediakan pertumbuhan modal jangka panjang dengan melabur dalam pelaburan patuh Syariah yang mempunyai pendedahan di rantau Greater China.



Takafulink Dana Dinamik bertujuan untuk menyediakan peningkatan nilai modal dengan melabur secara aktif dalam ekuiti dan sekuriti berkaitan ekuiti patuh Syariah. Untuk pertimbangan defensif, Dana mungkin melabur dalam Sukuk dan instrumen pasaran wang Islamik.



Takafulink Dana Aktif bertujuan untuk menyediakan peningkatan nilai modal dengan melabur dalam sekuriti patuh Syariah syarikat-syarikat permodalan pasaran kecil yang tersenarai di Bursa Malaysia yang berpotensi untuk berkembang.



Takafulink Dana Ekuiti Global bertujuan untuk menyediakan peningkatan nilai modal pelaburan patuh Syariah dengan pendedahan kepada pasaran ekuiti global.



Takafulink Dana Asia bertujuan untuk menyediakan peningkatan modal dengan melabur dalam sekuriti patuh Syariah di rantau Asia Pasifik kecuali Jepun termasuk Malaysia



Takafulink Dana Ekuiti Plus bertujuan untuk memaksimumkan pulangan jangka panjang dengan melabur dalam portfolio aset tempatan dan asing termasuk ekuiti patuh Syariah dan sekuriti berkaitan ekuiti patuh Syariah, deposit Islam, atau sebarang instrumen kewangan Islam lain.



Takafulink Dana Ekuiti Income bertujuan untuk menyediakan aliran pendapatan yang stabil dengan pertumbuhan modal jangka sederhana ke panjang.



Takafulink Dana ESG Global bertujuan memaksimumkan pulangan jangka masa panjang dengan melabur dalam Dana Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (SRI) yang layak.

ULASAN PELABURAN

Pasaran Ekuiti

Ekuiti global mengalami lantunan pada tahun 2023, dengan Indeks MSCI ACWI (USD) TR mencatatkan pulangan bersih sebanyak 22.2% , berbanding penurunan -18.1% pada tahun 2022. Antara pasaran ekuiti utama, Amerika Syarikat (AS) merekodkan prestasi terkukuh, di mana Indeks MSCI USA (USD) TR mencatatkan pulangan bersih sebanyak 26.5%, dimangkin oleh jangkaan akan berlaku pemotongan kadar faedah oleh Rizab Persekutuan (Fed) pada 2024 dan data ekonomi yang cergas. Sungguhpun pulangan AS didominasi oleh prestasi saham teknologi “tujuh terunggul”, terdapat petunjuk bahawa kenaikan pasaran turut mencakupi saham-saham dan sektor-sektor lain menjelang akhir tahun. Beberapa data ekonomi yang diedarkan di AS menunjukkan pengukuhan ekonomi AS yang berjaya menampikan kenaikan kadar faedah pada 2023. Eropah juga turut mencatatkan prestasi yang kukuh walaupun berdepan data ekonomi yang lemah – di mana Zon Euro mengalami kemelesetan pada suku pertama – dengan Indeks MSCI Europe (USD) TR mencatatkan pulangan bersih sebanyak 19.9%.

“Sungguhpun pulangan AS didominasi oleh prestasi saham teknologi “tujuh terunggul”, terdapat petunjuk bahawa kenaikan pasaran turut mencakupi saham-saham dan sektor-sektor lain menjelang akhir tahun.”

Ekuiti Asia kecuali Jepun yang diwakili oleh Indeks MSCI Asia ex Japan (USD) TR mencatatkan pulangan bersih keseluruhan yang lebih rendah pada 6.0%, mengaburi prestasi amat kukuh dari India, Taiwan dan Korea Selatan. China telah menjejaskan prestasi umum, dengan Indeks MSCI China (USD) TR merekodkan pulangan bersih -11.2% bagi tahun apabila ledakan pasca-penutupan sektor ekonomi semakin memudar, ketidakpastian yang menyelubungi regim penguatkuasaan China masih berkekalan dan kebimbangan berterusan tentang sektor hartanah China di mana senarai keingkarannya di kalangan pemaju hartanah negara berkenaan terus bertambah.

Ulasan Pelaburan

Pada permulaan 2023, sentimen pelabur pada awalnya telah disokong oleh tanda-tanda pengawalan inflasi dan harapan akan berlaku pemulihan kukuh pasca-COVID di China. Berikutan kejatuhan Silicon Valley Bank – kegagalan perbankan kedua terbesar dalam sejarah AS – dan penyelamatan Credit Suisse oleh pihak berkuasa Swiss melalui penjualan kepada pesaing UBS telah menyaksikan pasaran global mengalami jualan besar pada bulan Mac. Bagaimanapun, pasaran mengalami pemulihan dengan pantas, apabila pergolakan di sektor perbankan memadamkan jangkaan akan berlaku kenaikan kadar seterusnya oleh Fed dan apabila saham teknologi AS bermodal besar dan saham berkaitan Kecerdasan Buatan (“AI”) global mengalami kenaikan.

Sentimen risiko global agak terjejas pada suku ketiga, apabila jangkaan pelabur untuk melihat Fed menurunkan kadar beralih menjadi senario “lebih tinggi untuk tempoh lebih lama”. Pulangan Perbendaharaan AS 10 tahun melonjak lebih 75 mata asas (bps) pada suku ketiga, manakala pemotongan pengeluaran oleh Rusia dan Arab Saudi telah menyokong kenaikan untuk harga minyak, sekaligus menyumbang kepada kerisauan pengguna tentang akan berlakunya kejutan kenaikan inflasi. Berita inflasi yang lebih ringan-daripada-jangkaan di AS dan Eropah menyaksikan jangkaan beralih sekali lagi pada suku keempat, dibantu oleh kedudukan defensif oleh Fed semasa mesyuaratnya pada bulan Disember, di mana Fed memberi petanda akan berlaku tiga pemotongan kadar pada 2024.

Di Malaysia, Indeks FTSE Bursa Malaysia EMAS Syariah yang lebih meluas mencatatkan pulangan tipis 0.5% selepas kejatuhan -8.2% pada 2022. Saham utiliti, hartanah dan pembinaan merekodkan prestasi yang kukuh dengan adanya aliran berita positif mengenai penambahan prasarana seperti pengembalian pembinaan stesen LRT3, projek LRT Pulau Pinang yang akan dipanjangkan ke Seberang Perai, cadangan Zon Ekonomi Khas Kebangsaan Johor-Singapura dan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara. Sungguhpun begitu, sentimen pasaran secara amnya agak terjejas oleh kelemahan Ringgit bersandarkan data China yang tidak memberangsangkan, susut nilai Yuan China, dan USD yang lebih kukuh. Selain daripada kebimbangan mengenai kelemahan nilai Ringgit, pasaran juga turut dipengaruhi oleh keputusan perolehan korporat yang tidak cergas, serta ketidakpastian politik tempatan yang berpunca dari pilihanraya negeri. Pelabur asing masih menjadi penjual bersih ekuiti dengan aliran keluar asing bersih sebanyak RM2.4billion.

Pendapatan Tetap

Rizab Persekutuan (Fed) telah menaikkan kadar dana persekutuannya sebanyak 100 mata asas (bps) kepada 5.25%-5.50%, memetik bahawa ekonomi Amerika Syarikat (AS) telah berkembang pada kadar sederhana manakala inflasi masih menaik. Bagaimanapun, semasa mesyuarat Jawatankuasa Pasaran Terbuka Persekutuan (“FOMC”) pada bulan September, Fed mengekalkan kadar dana

Ulasan Pelaburan

persekutuan memandangkan terdapat petanda yang menyuarakan “perkembangan aktiviti ekonomi telah perlahan” berbanding kadar teguh pada suku ketiga dan dengan peralihan yang semakin jelas ke arah dasar defensif semasa mesyuarat pada bulan Disember telah mempercepatkan lonjakan pasaran. Pada akhir 2023, harga pasaran dinilai dengan anggapan bahawa potongan kadar oleh pihak Fed dijangka akan berlaku seawal Mac 2024.

Di Malaysia, Bank Negara Malaysia (BNM) menaikkan Kadar Dasar Semalaman (“OPR”) kepada 3.00% semasa mesyuarat Jawatankuasa Dasar Moniteri (“MPC”) pada bulan Mei, memberi penekanan bahawa keputusan yang diambil masih menyokong ekonomi dan seiring dengan penilaian semasa mengenai inflasi dan prospek pertumbuhan. MPC mengekalkan kedudukan pada kebergantungan-data, dan mengambil kira hasrat kerajaan menyemak semula kawalan harga dan subsidi pada 2024 yang dijangka akan memberi kesan terhadap unjuran inflasi dan keadaan permintaan tempatan.

Pasaran pendapatan tetap tempatan mengakhiri tahun dengan kenaikan kukuh disebabkan oleh penurunan jangkaan inflasi global, pengurangan dalam risiko politik dan prospek rendah akan berlakunya kenaikan kadar dasar oleh BNM. Pulangan Malaysian Government Investment Issue (“MGII”) untuk 3T, 5T, 10T dan 15T ditutup lebih rendah, masing-masing pada 3.48%, 3.59%, 3.78% dan 3.95%.

MGII mencatatkan prestasi yang baik terutamanya pada bulan November dan Disember akibat perubahan pendapat Fed mengenai unjuran dasar moniterinya. Sentimen masih disokong pada suku terakhir selepas mesyuarat terakhir Fed pada bulan Disember, di mana ia menandakan berakhirnya kenaikan kadar tiada pernafasan jangkaan pasaran mengenai pemetongan kadar pada 2024.

PRESTASI DANA



Takafulink Dana Ekuiti

Pada 31 Disember 2023, Nilai Aset Bersih (NAB) setiap unit Dana berkurang sebanyak 0.13% kepada RM2.28804 berbanding dengan RM2.29111 pada 31 Disember 2022.

Sejak penubuhannya (1 Disember 2006), Dana telah mencatatkan pulangan positif sebanyak 128.80%.



Takafulink Dana Sukuk

Pada 31 Disember 2023, Nilai Aset Bersih setiap unit Dana meningkat sebanyak 6.22% kepada RM1.92780 berbanding RM1.81485 pada 31 Disember 2022.

Sejak penubuhannya (1 Disember 2006), Dana telah mencatatkan pulangan positif sebanyak 92.78%.



Takafulink Dana Urus

Pada 31 Disember 2023, Nilai Aset Bersih setiap unit Dana meningkat sebanyak 1.18% kepada RM2.20946 berbanding RM2.18373 pada 31 Disember 2022.

Sejak penubuhannya (1 Disember 2006), Dana telah mencatatkan pulangan positif sebanyak 120.95%.



Takafulink Dana Ekuiti Dinasti

Pada 31 Disember 2023, Nilai Aset Bersih setiap unit Dana berkurang sebanyak 3.90% kepada RM1.89454 berbanding RM1.97135 pada 31 Disember 2022.

Sejak penubuhannya (1 April 2010), Dana telah mencatatkan pulangan positif sebanyak 89.45%.



Takafulink Dana Dinamik

Pada 31 Disember 2023, Nilai Aset Bersih setiap unit Dana meningkat sebanyak 3.17% kepada RM1.10904 berbanding RM1.07496 pada 31 Disember 2022.

Sejak penubuhannya (8 Januari 2018), Dana telah mencatatkan pulangan positif sebanyak 10.90%.



Takafulink Dana Aktif

Pada 31 Disember 2023, Nilai Aset Bersih setiap unit Dana meningkat sebanyak 5.14% kepada RM1.12842 berbanding RM1.07324 pada 31 Disember 2022.

Sejak penubuhannya (30 Oktober 2018), Dana telah mencatatkan pulangan positif sebanyak 12.84%.

Prestasi Dana



Takafulink Dana Ekuiti Global

Pada 31 Disember 2023, Nilai Aset Bersih setiap unit Dana meningkat sebanyak 23.30% kepada RM1.49698 berbanding RM1.21407 pada 31 Disember 2022.

Sejak penubuhannya (8 Julai 2019), Dana telah mencatatkan pulangan positif sebanyak 49.70%.



Takafulink Dana Asia

Pada 31 Disember 2023, Nilai Aset Bersih setiap unit Dana meningkat sebanyak 9.92% kepada RM0.91628 berbanding RM0.83360 pada 31 Disember 2022.

Sejak penubuhannya (10 Mei 2021), Dana telah mencatatkan pulangan negatif sebanyak 8.37%.



Takafulink Dana Ekuiti Plus

Pada 31 Disember 2023, Nilai Aset Bersih setiap unit Dana meningkat sebanyak 6.14% kepada RM0.95025 berbanding RM0.89529 pada 31 Disember 2022.

Sejak penubuhannya (18 September 2021), Dana telah mencatatkan pulangan negatif sebanyak 4.98%.



Takafulink Dana Ekuiti Income

Pada 31 Disember 2023, Nilai Aset Bersih setiap unit Dana meningkat sebanyak 1.59% kepada RM0.97075 berbanding RM0.95557 pada 31 Disember 2022.

Sejak penubuhannya (18 September 2021), Dana telah mencatatkan pulangan negatif sebanyak 2.93%.



Takafulink Dana ESG Global

Sejak penubuhannya (20 Mac 2023), Nilai Aset Bersih setiap unit dana telah meningkat sebanyak 11.58% kepada RM1.11577 berbanding RM1.0000.

* Sejak penubuhannya (20 Mac 2023), Nilai Aset Bersih setiap unit dana telah meningkat sebanyak 11.58% kepada RM1.11577 berbanding RM1.0000.

UNJURAN PASARAN

Pasaran Ekuiti

Pihak Fed menukar haluan daripada menaikkan kadar dan menangani inflasi pada 2023 kepada menentukan berapa kali pemotongan kadar akan dilakukan pada 2024 dan tahun berikutnya untuk mengelak daripada memberi kekangan besar ke atas ekonomi. Dari sudut perkembangan, kedudukan Fed ini seharusnya menyediakan sokongan kepada ekuiti, dengan syarat perolehan tidak jatuh dengan ketara. Sebesar mana pemotongan kadar yang akan dibuat amat bergantung kepada inflasi dan trajektori pertumbuhan ekonomi, di mana kejatuhan ringan telah dijangka akan berlaku.

Di Asia, beberapa tema pasaran kelihatan menarik termasuk pemulihan berterusan kitaran perkakasan teknologi, pertumbuhan meluas di India dan saham-saham penghasil dividen. Sungguhpun China telah menyuntik unsur rangsangan dalam dasar-dasarnya, kecekapan dasar-dasar tersebut masih kekal sebagai dalam-pelaksanaan, dengan tindakan terkini yang diambil terhadap sektor perjudian internet tidak meletakkan keyakinan pada suasana penguatkuasaan China. Pada tahun 2024, kita akan memerhatikan bagaimana ketegangan geopolitik AS-China akan berubah terutamanya apabila selepas berlaku pilihanraya AS dan Taiwan kelak.

Konflik berlanjutan antara Rusia-Ukrain dan konflik terbaharu antara Palestin-Israel adalah antara keseimbangan geopolitik yang turut menimbulkan ketidakpastian ke dalam pasaran. 2024 juga menjadi tahun yang akan menyaksikan banyak pilihanraya dilaksanakan di seluruh dunia, dan ia perlu dipantau dengan teliti oleh para pelabur kerana keputusan

yang diperolehi boleh mengubah landskap geopolitik semasa. Oleh kerana pergolakan pasaran masih berlaku, kami akan mengekalkan langkah berwaspada dalam portfolio kita dan mempelbagaikan kedudukan kita.

Dalam negara pula, sentimen pelabur yang lebih baik bersandarkan berita yang berkait dengan Johor menyaksikan pasaran ekuiti memulakan tahun baharu dengan semangat positif. Kami juga berharap agar Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan akan mencergaskan kembali pelaburan domestik dan menggalakkan penggunaan. Antara pemangkin utama lain yang boleh memacu pasaran adalah (1) perolehan korporat mengekalkan pecutan-semula pertumbuhan dan (2) reformasi dasar yang progresif serta rangka tindakan makro yang diperkenalkan pada 2023 berjaya dilaksanakan.

Pelaksanaan pelbagai langkah dan dasar seperti yang diumumkan oleh kerajaan turut mempunyai risiko kejatuhan. Inflasi yang degil akan terus mengganggu pasaran terutamanya pada 2H2024 apabila subsidi petrol bersasar dijangka akan diperkenalkan, dan pengetahuan pendapatan boleh guna isi rumah akan terus mempengaruhi permintaan. Sungguhpun begitu, kami kekal optimis namun berwaspada, dan sebarang pembetulan dalam pasaran akan menyediakan peluang kepada kami untuk mengumpul saham-saham patuh Syariah yang memiliki asas kukuh.

Unjuran Pelaburan

Pendapatan Tetap

Apabila inflasi ekstrem berkurangan, perhatian pelabur beralih kepada pertumbuhan yang semakin perlahan dan kebarangkalian akan berlaku pemotongan kadar.

Peningkatan jangkaan akan berlakunya kemelesetan pertumbuhan dalam pasaran membangun serta potensi pengecutan di beberapa rantau utama akibat penamatan sokongan fiskal dan impak daripada dasar moniteri, digabung dengan pengurangan inflasi seharusnya menyediakan sokongan kepada kelas aset pendapatan tetap.

Kami berpendapat bahawa kadar Dana Persekutuan AS kini berada hampir di kemuncak dan kami percaya Jawatankuasa Pasaran Terbuka Persekutuan AS ("FOMC") mungkin tidak akan mengubah kadar faedah berikutan pencuraman keluk Perbendaharaan AS baru-baru ini dan rentetan data ekonomi terbaharu yang dikeluarkan memerlukan kita jeda seketika buat masa ini.

Pertumbuhan Malaysia bagi tahun 2024 diunjurkan akan berada dalam julat 4% dan 5%, ditunjang oleh jangkaan perkembangan dalam permintaan domestik dan pemulihan dalam permintaan luaran, di mana kedua-duanya diramalkan akan menyokong pertumbuhan ekonomi secara menyeluruh. Keadaan buruh yang baik, progres yang besar dalam projek pelaburan, kenaikan dalam kitaran teknologi global dan peningkatan berterusan dalam sektor pelancongan dijangka akan menjadi pemacu utama pertumbuhan pada 2024.

Bagaimanapun, unjuran pertumbuhan ini dipengaruhi oleh kedua-dua faktor risiko luar dan domestik. Lonjakan yang lebih kukuh daripada jangkaan dari sektor pelancongan, lantunan semula yang lebih pantas daripada kemerosotan dalam kitaran teknologi, dan kesan yang lebih besar daripada projek dan strategi pelaburan berbilang tahun yang digariskan dalam pelan induk dan pelan tindakan negara boleh menimbulkan risiko kenaikan. Sebaliknya pula, risiko penurunan merangkumi pemulihan permintaan luar yang lebih perlahan daripada jangkaan, ketegangan geopolitik yang meningkat dan gangguan yang lebih ketara kepada pengeluaran komoditi.

Sungguhpun pasaran bon tempatan dijangka akan terus dipengaruhi oleh faktor luaran memandangkan bon-bon global masih kekal ketidaktentuan, kita akan terus mengambil langkah optimis namun berwaspada untuk unjuran pendapatan tetap pada 2024. Kami mengekalkan kedudukan wajar berat dalam sukuk korporat berbanding sukuk kerajaan memandangkan BNM dijangka akan mengekalkan kadar dasar tidak berubah.

“Sungguhpun pasaran bon tempatan dijangka akan terus dipengaruhi oleh faktor luaran memandangkan bon-bon global masih kekal bergelora, kita akan terus mengambil langkah optimis namun berwaspada untuk unjuran pendapatan tetap pada 2024.”

SOROTAN KEWANGAN

Jadual Bandingan Prestasi untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023

Takafulink Dana Ekuiti

Deskripsi	2023	2022	2021	2020	2019
	%	%	%	%	%
Ekuiti Patuh Syariah					
Pembinaan	3.52	2.65	2.23	2.73	3.58
Produk Konsumer & Perhidmatan	11.92	12.15	11.39	11.40	14.60
Tenaga	4.21	4.65	3.89	6.95	10.70
Perkhidmatan Kewangan	3.16	3.38	3.49	4.08	4.84
Penjagaan Kesihatan	6.34	5.30	8.00	14.53	8.25
Produk Perindustrian & Perkhidmatan	10.40	12.77	15.14	10.86	9.34
Perladangan	9.80	9.63	5.58	6.97	9.76
Hartanah	1.83	2.43	5.34	5.86	7.52
Amanah Pelaburan Hartanah Islamik	2.61	2.03	-	-	-
Teknologi	10.46	9.64	12.87	5.06	3.11
Telekomunikasi & Media	14.78	12.96	13.22	11.80	10.55
Pengangkutan & Logistik	3.72	5.03	3.20	3.34	2.24
Utiliti	11.80	8.53	9.49	11.30	11.28
	94.55	91.15	93.84	94.88	95.77
Tunai dan Deposit Islam	5.73	8.68	6.48	6.11	5.30
Lain-lain Aset & Aset Cukai Tertunda	0.29	0.30	0.33	0.23	0.18
Jumlah Liabiliti	(0.57)	(0.13)	(0.65)	(1.22)	(1.25)
Jumlah	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00

Sorotan Kewangan

Jadual Bandingan Prestasi untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023

Takafulink Dana Ekuiti

Deskripsi	2023 %	2022 %	2021 %	2020 %	2019 %
Jumlah Nilai Aset Bersih (RM)	2,561,078,642	2,431,485,425	2,310,748,445	2,063,268,024	1,510,139,215
Unit dalam Pengedaran	1,119,330,699	1,061,267,837	938,407,967	826,377,971	687,127,368
NAB seunit (RM)	2.28804	2.29111	2.46241	2.49676	2.19776
NAB Tertinggi seunit (RM)	2.32969	2.44168	2.54743	2.55264	2.24605
NAB Terendah seunit (RM)	2.17301	2.07626	2.34848	1.72750	2.05949
Jumlah Pulangan (+)					
- Pertumbuhan Modal	(0.13%)	(6.96%)	(1.38%)	13.60%	4.57%

Pulangan Tahunan Purata – Dana (+)

Tempoh

Satu tahun	(0.13%)	(6.96%)	(1.38%)	13.60%	4.57%
Tiga tahun	(2.87%)	1.40%	5.42%	2.47%	1.60%
Lima tahun	1.71%	(0.25%)	3.29%	2.76%	1.16%

Pulangan Tahunan Purata – Tanda Aras:

Indeks FTSE Bursa Malaysia EMAS Syariah (FBMS)

Tempoh


Satu tahun	0.47%	(10.81%)	(6.81%)	10.13%	3.85%
Tiga tahun	(5.83%)	(2.91%)	2.14%	(0.37%)	(0.18%)
Lima tahun	(0.92%)	(3.84%)	0.40%	0.55%	(0.91%)

Sorotan Kewangan

Jadual Bandingan Prestasi untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023

Prestasi Takafulink Dana Ekuiti (Sejak Penubuhan)

Takafulink Dana Ekuiti berbanding Indeks FTSE Bursa Malaysia EMAS Syariah (FBMS)



+ Pulangan dana dikira berdasarkan pada lima titik perpuluhan.

Harga unit Dana mungkin menurun serta menaik dan angka prestasi lampau bukanlah indikatif prestasi masa hadapan.

Sorotan Kewangan

Jadual Bandingan Prestasi untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023

Takafulink Dana Sukuk

Deskripsi	2023 %	2022 %	2021 %	2020 %	2019 %
Sukuk					
- Korporat	78.66	69.80	73.03	61.00	74.09
- Kerajaan	4.13	8.62	10.42	11.37	-
- Kuasi Kerajaan	14.18	16.91	9.02	18.21	21.06
Tunai dan Deposit Islam	2.35	3.83	6.73	9.19	4.46
Lain-lain Aset & Aset Cukai Tertunda	1.14	1.21	1.09	0.82	1.09
Jumlah Liabiliti	(0.46)	(0.37)	(0.29)	(0.59)	(0.70)
Jumlah	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00
Jumlah Nilai Aset Bersih (RM)	267,790,387	264,671,319	313,455,826	231,591,414	141,964,826
Unit dalam Pengeedaran	138,909,960	145,836,701	174,356,847	127,705,757	82,660,436
NAB seunit (RM)	1.92780	1.81485	1.79778	1.81348	1.71745
NAB Tertinggi seunit (RM)	1.92799	1.81924	1.81695	1.82719	1.72600
NAB Terendah seunit (RM)	1.81778	1.74481	1.74871	1.69044	1.60331
Jumlah Pulangan (+)					
- Pertumbuhan Modal	6.22%	0.95%	(0.87%)	5.59%	7.18%

Pulangan Tahunan Purata – Dana (+)

Tempoh

Satu tahun	6.22%	0.95%	(0.87%)	5.59%	7.18%
Tiga tahun	2.06%	1.86%	3.91%	5.73%	5.35%
Lima tahun	3.77%	3.42%	4.12%	5.29%	4.88%

Pulangan Tahunan Purata – Tanda Aras:

Kadar Deposit-i Islam MBB 12 bulan

Tempoh


Satu tahun	2.85%	2.21%	1.85%	2.21%	3.18%
Tiga tahun	2.32%	2.10%	2.42%	2.91%	3.21%
Lima tahun	2.47%	2.56%	2.74%	3.03%	3.21%

Sorotan Kewangan

Jadual Bandingan Prestasi untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023

Prestasi Takafulink Dana Sukuk (Sejak Penubuhan)

Takafulink Dana Sukuk berbanding Kadar Deposit-i Islam MBB 12 bulan



+ Pulangan dana dikira berdasarkan pada lima titik perpuluhan.

Harga unit Dana mungkin menurun serta menaik dan angka prestasi lampau bukanlah indikator prestasi masa hadapan.

Sorotan Kewangan

Jadual Bandingan Prestasi untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023

Takafulink Dana Urus

Deskripsi	2023 %	2022 %	2021 %	2020 %	2019 %
Pelaburan dalam -					
Takafulink Dana Ekuiti	78.47	79.38	80.59	80.75	84.30
Takafulink Dana Sukuk	21.53	20.62	19.41	19.25	15.70
Lain-lain Aset	0.25	0.11	0.11	0.15	0.15
Lain-lain Liabiliti	(0.25)	(0.11)	(0.11)	(0.15)	(0.15)
Jumlah	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00
Jumlah Nilai Aset Bersih (RM)	601,400,847	552,739,175	513,859,689	461,262,831	351,421,614
Unit dalam Pengeedaran	272,193,195	253,116,868	222,622,794	197,286,258	168,136,542
NAB seunit (RM)	2.20946	2.18373	2.30821	2.33804	2.09010
NAB Tertinggi seunit (RM)	2.22104	2.29225	2.36360	2.37963	2.12008
NAB Terendah seunit (RM)	2.11202	2.01086	2.22170	1.71163	1.95712
Jumlah Pulangan (+)					
- Pertumbuhan Modal	1.18%	(5.39%)	(1.28%)	11.86%	5.07%

Pulangan Tahunan Purata – Dana (+)

Tempoh

Satu tahun	1.18%	(5.39%)	(1.28%)	11.86%	5.07%
Tiga tahun	(1.87%)	1.47%	5.08%	2.98%	2.30%
Lima tahun	2.12%	0.40%	3.41%	3.24%	1.89%

Pulangan Tahunan Purata – Tanda Aras:

80% Indeks FBMS + 20%

kadar Deposit-i Islam MBB 12 bulan

Tempoh


Satu tahun	0.99%	(8.19%)	(5.07%)	8.85%	3.78%
Tiga tahun	(4.16%)	(1.74%)	2.36%	0.46%	0.57%
Lima tahun	(0.11%)	(2.44%)	1.00%	1.16%	(0.02%)

Sorotan Kewangan

Jadual Bandingan Prestasi untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023

Prestasi Takafulink Dana Urus (Sejak Penubuhan)

Takafulink Dana Urus berbanding 80% FBMS + 20% Kadar Deposit-i Islam MBB 12 bulan



+ Pulangan dana dikira berdasarkan pada lima titik perpuluhan.

Harga unit Dana mungkin menurun serta menaik dan angka prestasi lampau bukanlah indikatif prestasi masa hadapan.

Sorotan Kewangan

Jadual Bandingan Prestasi untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023

Takafulink Dana Ekuiti Dinasti

Deskripsi	2023 %	2022 %	2021 %	2020 %	2019 %
Pelaburan dalam -					
Eastspring Investments Dinasti					
Equity Fund	98.06	98.52	98.56	101.25	99.83
Tunai di Bank	2.40	1.72	1.83	1.21	1.08
Lain-lain Aset & Aset Cukai	1.51	1.43	0.15	0.39	1.12
Tertunda					
Jumlah Liabiliti	(1.97)	(1.67)	(0.54)	(2.85)	(2.03)
Jumlah	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00
Jumlah Nilai Aset Bersih (RM)	327,887,748	247,246,569	202,340,291	140,708,096	75,347,650
Unit dalam Pengeedaran	173,069,808	125,420,118	75,199,527	46,767,216	34,341,592
NAB seunit (RM)	1.89454	1.97135	2.69071	3.00869	2.19406
NAB Tertinggi seunit (RM)	2.14638	2.71679	3.55732	3.00869	2.22410
NAB Terendah seunit (RM)	1.81914	1.68996	2.62360	1.91418	1.71691
Jumlah Pulangan (+)					
- Pertumbuhan Modal	(3.90%)	(26.73%)	(10.57%)	37.13%	24.24%

Pulangan Tahunan Purata – Dana (+)

Tempoh

Satu tahun	(3.90%)	(26.73%)	(10.57%)	37.13%	24.24%
Tiga tahun	(14.29%)	(3.50%)	15.07%	12.32%	11.36%
Lima tahun	1.42%	(1.47%)	11.11%	15.70%	12.37%

Pulangan Tahunan Purata – Tanda Aras:

Indeks Pasaran Islam Greater China Dow Jones

Tempoh


Satu tahun	0.73%	(25.56%)	(11.47%)	45.57%	23.09%
Tiga tahun	(11.32%)	(1.38%)	16.63%	14.55%	10.37%
Lima tahun	4.56%	(0.19%)	11.62%	16.26%	11.28%

Sorotan Kewangan

Jadual Bandingan Prestasi untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023

Prestasi Takafulink Dana Ekuiti Dinasti (Sejak Penubuhan)

Takafulink Dana Ekuiti Dinasti berbanding Indeks Pasaran Islam Greater China Dow Jones



+ Pulangan dana dikira berdasarkan pada lima titik perpuluhan.

Harga unit Dana mungkin menurun serta menaik dan angka prestasi lampau bukanlah indikatif prestasi masa hadapan.

Sorotan Kewangan

Jadual Bandingan Prestasi untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023

Takafulink Dana Dinamik


Deskripsi	2023 %	2022 %	2021 %	2020 %	2019 %
Pelaburan dalam -					
Eastspring Investments Dana					
Dinamik	98.78	98.96	97.81	100.46	96.53
Tunai di Bank	2.32	1.79	1.76	1.86	1.56
Lain-lain Aset & Aset Cukai	0.57	0.71	0.76	0.11	3.50
Tertunda					
Jumlah Liabiliti	(1.67)	(1.46)	(0.33)	(2.43)	(1.59)
Jumlah	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00
Jumlah Nilai Aset Bersih (RM)	29,063,852	20,760,039	14,008,215	7,552,400	3,175,348
Unit dalam Pengeedaran	26,206,397	19,312,414	11,978,210	6,603,719	3,163,129
NAB seunit (RM)	1.10904	1.07496	1.16947	1.14366	1.00386
NAB Tertinggi seunit (RM)	1.11131	1.17315	1.20950	1.15165	1.02776
NAB Terendah seunit (RM)	1.05326	0.98939	1.11141	0.78406	0.92840
Jumlah Pulangan (+)					
- Pertumbuhan Modal	3.17%	(8.08%)	2.26%	13.93%	6.76%
Pulangan Tahunan Purata – Dana (+)					
Tempoh					
Satu tahun	3.17%	(8.08%)	2.26%	13.93%	6.76%
Tiga tahun	(1.02%)	2.31%	7.54%	N/A	N/A
Lima tahun	3.36%	N/A	N/A	N/A	N/A
Pulangan Tahunan Purata – Tanda Aras:					
50% FBMS + 50% Deposit-i Islam MBB 12 bulan					
Tempoh					
Satu tahun	1.79%	(4.27%)	(2.43%)	6.63%	3.62%
Tiga tahun	(1.67%)	(0.13%)	2.54%	N/A	N/A
Lima tahun	(0.12%)	N/A	N/A	N/A	N/A

Sorotan Kewangan

Jadual Bandingan Prestasi untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023

Prestasi Takafulink Dana Dinamik (Sejak Penubuhan)

Takafulink Dana Dinamik berbanding 50% FBMS + 50% Deposit-i Islam MBB 12 bulan



+ Pulangan dana dikira berdasarkan pada lima titik perputuhan.

Harga unit Dana mungkin menurun serta menaik dan angka prestasi lampau bukanlah indikatif prestasi masa hadapan.

Sorotan Kewangan

Jadual Bandingan Prestasi untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023

Takafulink Dana Aktif

Deskripsi	2023 %	2022 %	2021 %	2020 %	2019 %
Pelaburan dalam -					
Eastspring Investments Islamic Small-cap Fund	99.47	99.21	98.27	100.22	96.54
Tunai di Bank	2.09	1.44	1.46	1.49	3.38
Lain-lain Aset & Aset Cukai Tertunda	0.12	0.49	0.42	0.12	3.19
Jumlah Liabiliti	(1.68)	(0.14)	(0.15)	(1.83)	(3.11)
Jumlah	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00
Jumlah Nilai Aset Bersih (RM)	4,786,129	3,571,655	2,377,125	1,397,200	477,363
Unit dalam Pengeedaran	4,241,439	3,327,918	2,126,547	1,198,130	426,901
NAB seunit (RM)	1.12842	1.07324	1.11783	1.16615	1.11821
NAB Tertinggi seunit (RM)	1.13139	1.13574	1.21063	1.22198	1.12272
NAB Terendah seunit (RM)	1.05850	0.99462	1.08391	0.76150	0.94996
Jumlah Pulangan (+)					
- Pertumbuhan Modal	5.14%	(3.99%)	(4.14%)	4.29%	16.49%

Pulangan Tahunan Purata – Dana (+)

Tempoh

Satu tahun	5.14%	(3.99%)	(4.14%)	4.29%	16.49%
Tiga tahun	(1.09%)	(1.36%)	5.21%	N/A	N/A
Lima tahun	3.29%	N/A	N/A	N/A	N/A

Pulangan Tahunan Purata – Tanda Aras:

Indeks FTSE Bursa Malaysia Small-cap

Syariah

Tempoh


Satu tahun	9.51%	(7.87%)	(0.88%)	19.84%	21.56%
Tiga tahun	0.00%	3.05%	13.03%	N/A	N/A
Lima tahun	6.44%	N/A	N/A	N/A	N/A

Sorotan Kewangan

Jadual Bandingan Prestasi untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023

Prestasi Takafulink Dana Aktif (Sejak Penubuhan)

Takafulink Dana Aktif berbanding Indeks Syariah FTSE Bursa Malaysia Small-Cap



+ Pulangan dana dikira berdasarkan pada lima titik perpuluhan.

Harga unit Dana mungkin menurun serta menaik dan angka prestasi lampau bukanlah indikatif prestasi masa hadapan.

Sorotan Kewangan

Jadual Bandingan Prestasi untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023

Takafulink Dana Ekuiti Global

Deskripsi	2023 %	2022 %	2021 %	2020 %	2019 %
Pelaburan dalam -					
Abrdn Islamic World Equity Fund	100.46	97.72	100.00	100.81	97.96
Tunai di Bank	1.01	0.61	0.02	0.09	0.33
Lain-lain Aset & Aset Cukai Tertunda	0.40	1.99	1.46	0.23	2.46
Jumlah Liabiliti	(1.87)	(0.32)	(1.48)	(1.13)	(0.75)
Jumlah	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00
Jumlah Nilai Aset Bersih (RM)	27,163,129	13,158,045	8,017,057	2,783,062	604,260
Unit dalam Pengedaran	18,145,278	10,837,946	5,295,937	2,269,134	566,079
NAB seunit (RM)	1.49698	1.21407	1.51381	1.22649	1.06745
NAB Tertinggi seunit (RM)	1.51181	1.51252	1.54147	1.23215	1.08084
NAB Terendah seunit (RM)	1.20934	1.12716	1.19052	0.83463	0.97373
Jumlah Pulangan (+)					
- Pertumbuhan Modal	23.30%	(19.80%)	23.43%	14.90%	6.75%

Pulangan Tahunan Purata – Dana (+)

Tempoh

Satu tahun	23.30%	(19.80%)	23.43%	14.90%	14.50%
Tiga tahun	6.87%	4.38%	N/A	N/A	N/A
Lima tahun	N/A	N/A	N/A	N/A	N/A

Pulangan Tahunan Purata – Tanda Aras:

Indeks MSCI ACWI Islamik (Syariah)

Tempoh


Satu tahun	27.80%	(7.80%)	23.27%	9.78%	13.59%
Tiga tahun	13.25%	7.66%	N/A	N/A	N/A
Lima tahun	N/A	N/A	N/A	N/A	N/A

Sorotan Kewangan

Jadual Bandingan Prestasi untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023

Prestasi Takafulink Dana Ekuiti Global (Sejak Penubuhan)

Takafulink Dana Ekuiti Global berbanding Indeks Islamik MSCI ACWI (Syariah)



+ Pulangan dana dikira berdasarkan pada lima titik perpuluhan.

Harga unit Dana mungkin menurun serta menaik dan angka prestasi lampau bukanlah indikatif prestasi masa hadapan.

Sorotan Kewangan

Jadual Bandingan Prestasi untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023

Takafulink Dana Asia

Deskripsi	2023 %	2022 %	2021 %
Pelaburan dalam -			
Principal Islamic DALI Asia Pacific Equity Growth Fund	99.12	97.46	98.93
Tunai di Bank	1.83	1.07	0.10
Lain-lain Aset & Aset Cukai Tertunda	0.12	1.69	1.08
Jumlah Liabiliti	(1.07)	(0.22)	(0.11)
Jumlah	100.00	100.00	100.00
Jumlah Nilai Aset Bersih (RM)	1,561,760	998,308	361,408
Unit dalam Pengedaran	1,704,458	1,197,585	360,482
NAB seunit (RM)	0.91628	0.83360	1.00257
NAB Tertinggi seunit (RM)	0.91989	1.01128	1.04039
NAB Terendah seunit (RM)	0.82345	0.80625	0.97131
Jumlah Pulangan (+)			
- Pertumbuhan Modal	9.92%	(16.85%)	1.28%

Pulangan Tahunan Purata – Dana (+)

Tempoh

Satu tahun	9.92%	(16.85%)	0.26%
Tiga tahun	N/A	N/A	N/A
Lima tahun	N/A	N/A	N/A

Pulangan Tahunan Purata – Tanda Aras:

30% FBMS + 70% Indeks MSCI AC Asia Ex Japan Islamic

Tempoh


Satu tahun	11.97%	(15.31%)	(1.89%)
Tiga tahun	N/A	N/A	N/A
Lima tahun	N/A	N/A	N/A

Sorotan Kewangan

Jadual Bandingan Prestasi untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023

Prestasi Takafulink Dana Asia (Sejak Penubuhan)

Takafulink Dana Asia berbanding 30% FBMS+70% Indeks Islamik MSCI AC Asia Ex Japan



+ Pulangan dana dikira berdasarkan pada lima titik perpuluhan.

Harga unit Dana mungkin menurun serta menaik dan angka prestasi lampau bukanlah indikatif prestasi masa hadapan.

Sorotan Kewangan

Jadual Bandingan Prestasi untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023

Takafulink Dana Ekuiti Plus

Deskripsi	2023 %	2022 %	2021 %
Pelaburan dalam -			
Eastspring Investments Dana al-Ilham	76.87	78.58	69.41
iShares MSCI World Islamic UCITS ETF	23.48	19.76	9.48
Tunai di Bank	3.07	4.67	11.99
Lain-lain Aset & Aset Cukai Tertunda	0.10	2.07	9.45
Jumlah Liabiliti	(3.52)	(5.08)	(0.33)
Jumlah	100.00	100.00	100.00
Jumlah Nilai Aset Bersih (RM)	9,978,714	4,384,664	579,743
Unit dalam Pendedaran	10,501,118	4,897,487	595,290
NAB seunit (RM)	0.95025	0.89529	0.97388
NAB Tertinggi seunit (RM)	0.95382	0.97355	1.00000
NAB Terendah seunit (RM)	0.88580	0.83124	0.94145
Jumlah Pulangan (+)			
- Pertumbuhan Modal	6.14%	(8.07%)	1.31%

Pulangan Tahunan Purata – Dana (+)

Tempoh

Satu tahun	6.14%	(8.07%)	(2.61%)
Tiga tahun	N/A	N/A	N/A
Lima tahun	N/A	N/A	N/A

Pulangan Tahunan Purata – Tanda Aras:

80% FBMS + 20% Indeks MSCI World Islamik

Tempoh


Satu tahun	5.50%	(10.10%)	(3.01%)
Tiga tahun	N/A	N/A	N/A
Lima tahun	N/A	N/A	N/A

Sorotan Kewangan

Jadual Bandingan Prestasi untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023

Prestasi Takafulink Dana Ekuiti Plus (Sejak Penubuhan)

Takafulink Dana Ekuiti Plus berbanding 80% FBMS + 20% Indeks MSCI World Islamik



+ Pulangan dana dikira berdasarkan pada lima titik perputuhan.

Harga unit Dana mungkin menurun serta menaik dan angka prestasi lampau bukanlah indikator prestasi masa hadapan.

Sorotan Kewangan

Jadual Bandingan Prestasi untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023

Takafulink Dana Ekuiti Income

Deskripsi	2023 %	2022 %	2021 %
Pelaburan dalam -			
Eastspring Investments Islamic Equity Income Fund	99.87	99.58	98.36
Tunai di Bank	0.98	0.16	0.02
Lain-lain Aset & Aset Cukai Tertunda	0.28	0.82	1.86
Jumlah Liabiliti	(1.13)	(0.56)	(0.24)
Jumlah	100.00	100.00	100.00
Jumlah Nilai Aset Bersih (RM)	6,326,158	2,754,946	464,968
Unit dalam Pengedaran	6,516,759	2,883,042	461,199
NAB seunit (RM)	0.97075	0.95557	1.00817
NAB Tertinggi seunit (RM)	0.97350	1.00400	1.02148
NAB Terendah seunit (RM)	0.92579	0.87210	0.96710
Jumlah Pulangan (+)			
- Pertumbuhan Modal	1.59%	(5.22%)	2.18%

Pulangan Tahunan Purata – Dana (+)

Tempoh

Satu tahun	1.59%	(5.22%)	0.82%
Tiga tahun	N/A	N/A	N/A
Lima tahun	N/A	N/A	N/A

Pulangan Tahunan Purata – Tanda Aras:

Indeks FTSE-Bursa Malaysia EMAS Syariah (FBMS)

Tempoh


Satu tahun	0.47%	(10.81%)	(2.81%)
Tiga tahun	N/A	N/A	N/A
Lima tahun	N/A	N/A	N/A

Sorotan Kewangan

Jadual Bandingan Prestasi untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023

Prestasi Takafulink Dana Ekuiti Income (Sejak Penubuhan)

Takafulink Dana Ekuiti Income berbanding Indeks FTSE Bursa Malaysia EMAS Shariah (FBMS)



+ Pulangan dana dikira berdasarkan pada lima titik perpuluhan.

Harga unit Dana mungkin menurun serta menaik dan angka prestasi lampau bukanlah indikatif prestasi masa hadapan.

Sorotan Kewangan

Jadual Bandingan Prestasi untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023

Takafulink Dana ESG Global (Sejak Penubuhan)

Deskripsi	2023 %
Pelaburan dalam -	
Nomura Global Shariah Sustainable Equity Fund	101.03
Tunai di Bank	0.14
Lain-lain Aset	0.11
Jumlah Liabiliti	(1.28)
Jumlah	100.00
Jumlah Nilai Aset Bersih (RM)	1,438,650
Unit dalam Pendedaran	1,289,379
NAB seunit (RM)	1.11577
NAB Tertinggi seunit (RM)	1.12269
NAB Terendah seunit (RM)	0.99997
Jumlah Pulangan (+) - Pertumbuhan Modal	11.58%
